Bahasa Melayu

(Oleh Musyfa')

Telah menjadi kebiasaan di sisi orang-orang Melayu kita dari semenjak berpuluh-puluh keturunan daripada datuk nenek kita menyebut "ibu bapa" –didahulukan ibu kemudian bapa maka nampak-nampaknya yang demikian sebagai suatu kekhilafan orang-orang tua kita yang dahulu ini diturut oleh kita sekarang. Tetapi orang-orang muda kita pada masa ini ada sedang mencuba hendak membetulkan apa yang telah terkhilaf atau salah itu supaya bahasa kita Melayu menjadi luas, kaya dan masyhur maka oleh yang demikian mereka itu sedang berusaha benar-benar sehingga mereka itu merekai beberapa patah perkataan-perkataan Melayu baharu selain daripada meniru beberapa pula perkataan-perkataan bahasa bangsa-bangsa dagang dengan diubah-ubahkan sedikit bunyi sebutannya (dan ejaannya tatkala menulis bahasa Melayu dengan huruf Rumi yang sedang digalakkan itu) akan tetapi malangnya setengah daripada penulis-penulis muda itu meniru-niru dengan buta tuli sahaja yang ditirunya itu salah susunan peri bahasa atau nahu bahasa-bahasa asing itu pula. dan merosakkan fahamannya yang sebenar.

Sesungguhnya tiadalah sekali-kali saya menyalahkan setengah daripada perkataan-perkataan dagang yang telah diubahkan perkataan yang asli lalu diterjemahkan kepada perkataan-perkataan Melayu yang betul lagi bertepatan ertinya misalnya perkataan "luar biasa" yang telah banyak sekarang digunakan oleh kita orang-orang Melayu maka yang demikian itu patut dipuji. Adapun perkataan "luar biasa" itu diterjemahkan daripada perkataan Extraordinary. Bahawa Ex dan Extra itu asalnya daripada bahasa Latin. Adapun Ex itu ertinya luar, dikeluarkan dan dipecah; Extra itu bererti melampaui yang lebih lebih atau dilebihkam daripada yang dikehendaki maka Ordinary pula ertinya: Biasanya atau yang banyak digunakan atau terjadi, atau sentiasa dilakukan.

Adapun perkataan "luar" dan "dikeluarkan" itu sememang perkataan Melayu dan boleh digunakan pada beberapa perkataan-perkataan lain dengan berlain-lainan maknanya misalnya : - Ayam berkokok di luar gelanggang tak dapat ditentukan alah menangnya sebelum diperlagakan – "Dikeluarkan daripada kaum kerabatnya" -"Dikeluarkan dia kumpulan anak-anak baik"- Anak luar nikah" yang bererti ibu bapanya bersekedudukan seperti laki bini maka apabila yang perempuannya mengandung atau telah menzahirkan anak, baharulah ibu bapanya nikah – perkataan luar dan umpamanya banyaklah digunakan di dalam peribahasa-peribahasa kita.

Pada pendapatan saya, bahawa peribahasa "ibu bapa" itu betul dan tepat denga adat tabii dan juga dengan undang-undang agama Islam yang amat terang dan tidak boleh diubah-ubah lagi.

Adat tabii-

Bahawasanya ibulah (perempuanlah) – selain daripada kudrat iradat Allah Subhanahu wa Taala yang telah menjadikan datuk kita sekalian manusia, iaitu Nabi Allah Adam dengan tiada berbapa dan tidak beribu dan demikian jugalah Nabi Isa dengan beribu sahaja iaitu Siti Maryam dengan tiada berbapa- yang mengandung anak dan menzahirkannya tatkala bapa (atau lelaki) itu hanyalah menurunkan benih kepada perempuan. Oleh sebab yang demikian tiada boleh seorang perempuan mengatakan anak yang telah dikandung dan dizahirkannya itu bukan anaknya.

Hukum-hukum syariah Islam

Seorang bapa (atau lelaki) yang telah berzina dengan seorang perempuan dan mendapat seseorang atau beberapa orang anak lelaki atau perempuan yang tidak dinikahinya itu maka anak atau anak-anak itu ialah anak zina (anak haram, atau anak gampang). Anak atau anak-anak haram itu tiada berhak dan tiada boleh menuntut pusaka bapanya yang haram itu dan

begitu jugalah si bapa haram itu terlarang dan tiada boleh menerima pusaka anak-anaknya yang haram itu, akan tetapi si ibu itu berhak dan boleh menuntut dan menerima pusaka anak-anaknya yang haram itu kerana terang yang ianya telah mengandung dan menzahirkan anak-anaknya itu keluar dari perutnya. Dan lagi bapa yang haram itu tiada sah menjadi wali nikah bagi anak-anak perempuan yang haram itu dan harus pula ia nikah dengan seorang anak perempuan yang haram itu; tetapi si ibu tiada harus nikah dengan seorang anak laki-lakinya yang haram kerana sudah terang iaitu anaknya sendiri dan boleh menuntut dan menerima pusaka anak-anaknya yang haram itu.

Bahawasanya inilah sebabnya disebutkan "ibu" dahulu kemudian "bapa" pada halnya lelaki boleh berkuasa daripada perempuan, dan di sinilah nampaknya kebijakkan, kelebihan dan keterangan yang cemerlang dari pihak orang-orang Melayu kita dahulu-dahulu itu! Akan tetapi tiadalah mereka itu sunyi daripada salah dan khilaf dan kita zaman sekarang banyak juga yang mengikut kesalahan dan kekhilafan orang-orang tua seperti yang dikatakan:- "bertanak nasi".

Mengapa dikatakan bertanak nasi pada halnya yang sebenar ialah beras yang direbus, kemudian beras itu menjadi nasi. Bukannya nasi yang ditanak atau direbus atau dijerang! Cubalah orang-orang Melayu muda kita ubahkan peri bahasa ini kepada "bertanak beras". Rasa saya barangkali banyak orang-orang tertawakan perubahan itu, kerana "bertanak nasi" itu sudah menjadi darah daging pada bahasa Melayu dari semenjak zaman puntung berasap lagi dan kita sekalian pun tahu ertinya dan faham maksudnya.

Sesungguhnya saya sudah terangkan kekhilafan ini kepada beberapa orang-orang tua Melayu yang berpengetahuan, maka jawab mereka itu sungguhpun beras itulah yang ditanak atau dijerang atau direbus kerana hendak dijadikan nasi yang dimakan khas oleh orang-orang Melayu, bukanlah kerana hendak dijadikan bubur, atau kanji atau pun beras itu ditumbuk dijadikan tepung kemudian digaul dengan santan gula dan lain-lain lagi kemudian direbus atau dikukus pada menjadikan dia suatu jenis penganan (atau kuih) demikian jugalah tepung pulut dan seumpamanya yang dibuat bermacam-macam kuih, tidak dikatakan bertanak kuih, bertanak dodol atau lain-lainnya ini, tetapi tentang ubi-ubi seperti keladi, keledek, ubi kayu atau seumpamanya, buah-buahan seperti jagung pisang buah berangan atau yang seumpamanya atau sayuran-sayuran dikatakan direbus, tidak disebutkan menanak segala itu.

Diterangkan lagi adapin sebutan "bertanak itu sememang difaham dan ditentukan bagi nasi termasuklah lauk-lauknya sekali seperti daging-daging ikan-ikan dan sayuran-sayuran -yakni pekerjaan menyediakan makanan yang hendak dimakan tiap-tiap hari atau kerana jamuan makan nasi (tidak disebutkan nasi minyak atau beriani serta lauk-lauknya pula). Bila disebut:- Orang itu sedang sibuk bertanak (ataupun "sibuk di dapur") sedia faham oleh orang-orang Melayu, bahawa orang itu ada tengah banyak kerja menyediakan makanan."

MUTIARA HIKMAH

-----*-----------*----

"Seorang itu akan terhitung berilmu selagi ia berkekalan belajar tetapi apakala ia menyangka dirinya telah pandai maka yang sebenarnya ia masih jahil."

-Hadith Syarif

"Manusia itu ialah ahli pengetahuan dan penuntut-penuntut ilmu manakala yang lainnya hanya golongan liar yang tidak beradab (Hamja)."

-Hadith Syarif

"Barangsiapa berusaha membaiki dirinya yang batin maka Tuhan akan membaiki dirinya yang zahir."

-Hadith Syarif